

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UTeM

AGM KEKUTEM 2020

22 JANUARI 2020 (RABU), 9.30 PAGI, DEWAN CANSOLOR

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanirrahim, Assalaamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Tuan Haji Adnan bin Mat

Presiden Kongress Kesatuan Pekerja – Pekerja Di Dalam
Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Yang Berusaha Encik Norman bin Taib

Pengerusi CUEPACS Melaka

Yang Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat

Ketua Pegawai Operasi, UTeM

Yang Berusaha Encik Mohd Mohidden bin Mansor

Presiden KEKUTeM

Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin hadirat yang dihormati
sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berhimpun di Dewan Canselor pada pagi ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Luar Biasa Tritahunan Ketiga KEKUTEeM bagi sesi 2019/2020.
2. Bagi pihak Universiti, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Presiden CUEPACS, Pengerusi CUEPACS Melaka dan Pegawai-Pegawai CUEPACS ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kehadiran tuan-tuan sekalian, jelas menunjukkan kepekaan dan sokongan yang

begitu kukuh terhadap kesatuan sekerja sektor awam khususnya bagi KEKUTeM sendiri.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan terima kasih kepada pihak KEKUTeM kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata seterusnya merasmikan mesyuarat agung ini. Kesempatan yang diberikan ini merupakan medium terbaik bagi saya sendiri untuk berjumpa dengan lebih rapat warga kerja UTeM khususnya dari kalangan kakitangan pelaksana di Universiti ini.

4. Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian merupakan kumpulan warga kerja yang terbesar di UTeM, yang mana sehingga 31 Disember 2019, Universiti memiliki seramai 951 staf pentadbiran dari kumpulan pelaksana dari jumlah keseluruhan staf iaitu seramai 2,051 orang.
5. Ternyata, tuan-tuan dan puan-puan, merupakan tulang belakang terpenting UTeM, yang menyokong kelancaran pengoperasian dan pentadbiran Universiti ini, untuk mencapai segala aspirasi yang ditetapkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

6. Di UTeM sendiri, selain daripada KEKUTeM, terdapat juga dua persatuan lain yang aktif iaitu Persatuan Staf Akademik atau UTeMASA dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas atau PRAKTIS. Segala permasalahan yang melibatkan keperluan dan kebajikan staf dibincangkan di dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) yang diadakan empat kali setahun. Alhamdulillah, menerusi platform ini, pelbagai perkara dapat kita selesaikan dengan sebaik-baiknya.

7. Bagi pihak pengurusan universiti sendiri, kesatuan dan persatuan staf merupakan entiti yang berperanan penting sebagai penghubung antara majikan dan pekerja. Jawatankuasa yang dilantik perlulah mengimbangi keperluan untuk memenuhi kehendak pekerja, menilai keberkesanan tuntutan dengan pencapaian kerja dan menilai keupayaan majikan sendiri.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan Sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berpesan kepada semua, walaupun kita terlibat secara aktif dalam aktiviti kesatuan mahupun persatuan, janganlah kita sesekali alpa dan lalai dalam melunaskan tanggungjawab utama kita terhadap Universiti ini.
9. Setiap daripada kita mempunyai tugas hakiki yang perlu diberikan keutamaan dan ditunaikan.

10. Besarlah harapan Universiti, agar semua warga kerjanya, khususnya dari kumpulan sokongan mempunyai kemahiran yang tinggi, terlatih, *multitasking* dan memiliki kemantapan kualiti diri yang unggul.

11. Insya Allah, dengan semangat yang tidak pernah mengalah di dalam diri semua warga Universiti ini, saya amat yakin, segala apa yang dihasratkan oleh UTeM dapat direalisasikan dengan jayanya.

12. Akhir kata, saya mendoakan agar mesyuarat agung ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

Pohon mengkudu tinggi melampai,
Akar tetulang panjang bersilang,
Mesyuarat bersidang matlamat dicapai,
Solusi ideal, warga cemerlang.

13. Oleh itu, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung Luar Biasa Tritahunan Ke-3 KEKUTeM bagi sesi 2019/2022. Sekian, terima kasih.